

## Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat

### Iran's Counter-Hegemony Under the Leadership of Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Towards US Hegemony in West Asian Region

Riki Rahman

*ricky84rahman@yahoo.com*

Institut Kajian Rantau Asia Barat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zarina @ Zairina Othman

*zo@ukm.my*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamaruzaman Yusoff

*y.kamaruzaman@utm.my*

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

Ruhanas Harun

*ruhanas@upnm.edu.my*

Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Article received on 12 June 2012; Article published online on 31 December 2013.

#### Abstract

Since the dissolution of Soviet Union in 1991, United States of America (USA) expands its hegemonic power around the world, including oil-rich West Asia of which USA's interest in this region is the oil resources. USA's oil reserve decreased in the last few years but its consumption in transportation, industrial, residential and commercial, and electric power increased. USA needs oil supply from other regions especially the West Asia and Iran because oil resources in this region are more abundant than other regions. However, USA's effort to tighten its hegemony in West Asia faced great challenge from Iran's anti-USA policy since 1979. This article analyzes those counter-hegemony strategies used by Iran, under Mahmoud Ahmadinejad for the first term of his leadership (2005-2009), against USA's hegemonic expansion in this region. This study uses descriptive and analytical qualitative approach to understand and evaluate those strategies used by Ahmadinejad. By using

counter-hegemony theory as a tool of analysis, this study found that Iran, under Ahmadinejad's leadership, employs *war of position* against USA hegemony. This study also found that Iran's counter-hegemony efforts are a form of balance of power against USA in the West Asia region.

**Keywords:** *Counter-Hegemony, United States of America, Iran, Mahmoud Ahmadinejad, War of Position.*

## **Abstrak**

Semenjak kehancuran Kesatuan Soviet pada tahun 1991, Amerika Syarikat semakin berleluasa mengembangkan kuasa hegemoninya ke seluruh dunia termasuk ke rantau Asia Barat di mana sumber minyak merupakan kepentingan Amerika Syarikat yang utama di rantau ini. Ini kerana simpanan minyak Amerika Syarikat dari tahun ke tahun terus berkurangan sementara penggunaan dalam sektor pengangkutan, industri, kediaman dan komersil, dan kuasa elektrik terus meningkat. Untuk memenuhi keperluan tersebut, Amerika Syarikat memerlukan bekalan minyak dari wilayah lain, terutamanya Asia Barat dan Iran kerana sumber minyak di wilayah ini sangat melimpah berbanding di wilayah atau negara lain. Namun begitu, usaha Amerika Syarikat untuk mengukuhkan hegemoninya mendapatkan cabaran yang cukup hebat dari Iran yang mengamalkan dasar anti Amerika semenjak tahun 1979. Kajian ini cuba menganalisis strategi kaunter-hegemoni yang digunakan Iran selama berada di bawah kepimpinan Mahmoud Ahmadinejad bagi penggal pertama (2005-2009) dalam menentang perluasan hegemoni Amerika Syarikat di rantau ini. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan deskriptif dan analisis digunakan bagi memahami dan menilai strategi Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad. Menerusi teori kaunter-hegemoni sebagai alat analisis, kajian ini mendapati bahawa Iran menggunakan pendekatan *war of position* bagi menentang hegemoni Amerika Syarikat. Kajian ini juga mendapati bahawa pendekatan kaunter hegemoni Iran ini dapat dilihat sebagai usaha mengimbangi kuasa Amerika Syarikat di rantau Asia Barat.

**Kata Kunci:** *Kaunter-Hegemoni, Amerika Syarikat, Iran, Mahmoud Ahmadinejad, War of Position.*

## Pendahuluan

Kejatuhan Kesatuan Soviet pada 1991 menjadi latar belakang inspirasi tulisan Francis Fukuyama (1992) yang sangat popular *The End of History and the Last Man*. Dalam buku itu, beliau menyatakan persaingan ideologi antara komunisme dengan demokrasi liberal yang terjadi selama bertahun-tahun telah berakhir. Beliau berhujah bahawa kejatuhan Kesatuan Soviet merupakan tonggak keruntuhan ideologi komunisme. Oleh yang demikian, yang keluar sebagai pemenang adalah demokrasi liberal yang diterajui oleh Amerika Syarikat (AS).

Disebabkan kemenangan berada di pihak demokrasi, maka pintu gerbang AS untuk mengukuhkan lagi tapak hegemoninya di seluruh dunia semakin terbuka luas termasuklah di Asia Barat, iaitu rantau yang menyimpan sumber minyak yang sangat luar biasa banyaknya. Oleh itu, AS pun tidak mahu mempersia-siakan peluang emas untuk menguasai rantau ini. Negara-negara kaya minyak seperti Arab Saudi, Qatar, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu dan Iraq telah pun berada dalam cengkaman AS.

AS juga berhasrat untuk menguasai minyak Iran kerana Iran memiliki 10% daripada simpanan minyak dunia ([http://www.eia.doe.gov/cabs/Region\\_me.html](http://www.eia.doe.gov/cabs/Region_me.html)). Selain itu, Iran juga memiliki potensi pelaburan di bidang pertambangan uranium dan gas (D. Danny, 2007). Oleh itu, pelbagai usaha telah dilakukan AS khususnya selama berada di bawah pentadbiran George W. Bush untuk menguasai negara ini. Cara-cara yang dilakukan AS seperti mendakwa Iran membuat senjata nuklear dan menggolongkan negara ini sebagai salah sebuah negara *Axis of Evil* yang menyebarkan aktiviti keganasan (Kessler and Peter, 2006), serta mendesak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) agar Resolusi Dewan Keselamatan PBB 1747 dikenakan ke atas Iran (<http://www.un.org/News/Press/docs/2008/sc9268.doc.htm>) adalah antara cara-cara AS untuk "menanamkan" hegemoninya di negara ini. Walau apa pun, Iran selama berada di bawah kepimpinan Mahmoud Ahmadinejad tetap tidak mahu berundur dan mengikut telunjuk AS malahan melakukan tentangan balas (kaunter) ke atas hegemoni AS. Kajian ini cuba mengenal pasti cara-cara yang dilakukan Iran bagi mengkaunter hegemoni AS di Asia Barat lalu menganalisisnya dengan menggunakan teori kaunter hegemoni.

## Kaunter-Hegemoni

Kaunter-hegemoni itu sendiri merupakan lawan kepada hegemoni. Hegemoni secara am diertikan sebagai penguasaan dan dominasi yang dilakukan satu pihak ke atas pihak yang lain. Dalam Kamus Dewan (2002) yang dimaksudkan hegemoni ialah pengaruh atau dominasi sesebuah negara atas negara-negara lain. Menurut Persaud (2001: 49), hegemoni dan kaunter-hegemoni dapat dilihat sebagai sebuah "gerakan ganda secara bersamaan" yang saling bertentangan antara satu dengan yang lain. Ketika hegemoni diamalkan, dikekalkan atau dipertahankan, maka ia boleh dicabar oleh pelbagai bentuk dan dimensi, iaitu masyarakat sivil, masyarakat politik dan negara. Bentuk dan dimensi yang berbeza dalam menentang hegemoni ini disebut sebagai *counter-hegemonic* (Chin dan James, 2006). Menumkar sebuah hegemoni biasanya akan diikuti oleh kemunculan kekuatan kaunter-hegemoni yang baru (Katz, 2006: 345).


Gramsci (1971) membahagikan cara menentang hegemoni dengan mengambil istilah daripada sistem ketenteraan kepada tiga bahagian, iaitu *war of movement*, *war of position* dan *underground warfare*. Namun begitu, kebanyakan sarjana seperti Ransome (1992), Femia (1981), Chin and James (2006) dan Cox (1993) membahagikan kepada dua bahagian sahaja iaitu *war of movement* dan *war of position*. Ransome dan Femia menyebut istilah *war of movement* sebagai *war of manoeuvre*. Gramsci menjelaskan bahawa *War of movement* adalah satu pendekatan kaunter-hegemoni yang dilakukan dengan cara kekerasan dan paksaan, umpamanya perang. Manakala *war of position* pula menggunakan cara-cara lembut yang tidak berorientasi kepada kekerasan. Adapun *underground warfare* adalah pendekatan perlawanan bawah tanah yang dilakukan secara sembunyi-sembunyi dengan tujuan menakut-nakuti lawan. Gramsci memberikan contoh perang terbuka antara Jerman dan Perancis dikategorikan sebagai kaunter-hegemoni *war of movement* kerana peperangan ini dilakukan dengan cara kekerasan, iaitu dengan menggunakan senjata, bom dan alat tempur lainnya. Adapun perlawanan pasif yang dilakukan Mahatma Gandhi menentang penjajah Great Britain di India dikategorikan sebagai *war of position*. Manakala persediaan peperangan dan melengkapi persenjataan yang dilakukan secara rahsia dan tersembunyi dikategorikan oleh Gramsci sebagai *underground warfare*.

Dalam pada itu, kaunter-hegemoni dalam konteks antarabangsa, Cox (1993), menyatakan bahawa kaunter-hegemoni memerlukan hubungan sosial negara-negara antarabangsa di mana hubungan sosial negara-negara terbabit harus membentuk satu blok sejarah kaunter-hegemoni global. Kaunter-hegemoni antarabangsa juga merujuk kepada negara-negara dunia di mana mereka melakukan penentangan ke atas hegemoni sesebuah negara yang mendominasi dan menguasai negara mereka. Cox menambahkan bahawa kaunter-hegemoni boleh dilakukan dengan dua pendekatan, iaitu *war of movement* dan *war of position*. Apa yang dimaksudkan dengan *war of movement* ialah satu cara kaunter-hegemoni yang cukup keras yang dilakukan dengan cara-cara radikal seperti menggulingkan rejim yang sedang berkuasa, revolusi total ataupun tindakan ketenteraan. Manakala *war of position* pula adalah perlawanan tanpa kekerasan terhadap kelas dominan, umpamanya boikot, dan tunjuk perasaan.

Oleh itu, secara umum dapat disimpulkan bahawa kaunter-hegemoni antarabangsa merujuk kepada negara-negara dunia di mana mereka melakukan kaunter ke atas hegemoni sesebuah negara yang mendominasi dan menguasai negara mereka. Kaunter-hegemoni dalam konteks kajian ini adalah kaunter-hegemoni yang dilakukan Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad ke atas hegemoni AS (khususnya selama di bawah pentadbiran George W. Bush) di Asia Barat. Pelbagai usaha dilakukan Iran bagi menentang hegemoni AS, termasuk menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara lain. Hubungan diplomatik ini kemudiannya diteruskan kepada hubungan kerjasama politik, ekonomi dan ketenteraan. Kerjasama yang dilakukan Iran dengan negara-negara lain ini bertujuan untuk membentuk blok kaunter-hegemoni antarabangsa. Carta 1 di bawah ini menggambarkan bagaimana proses kaunter-hegemoni yang dilakukan Iran melalui jalinan kerjasama dengan negara-

negara lain boleh berlaku. Jalinan kerjasama ini pada akhirnya membentuk satu blok kaunter-hegemoni bagi menentang pengaruh dan dominasi AS<sup>1</sup>.

**Carta 1:** Kaunter-hegemoni Iran ke atas hegemoni AS




### Kepentingan AS di Asia Barat dan Iran

AS memandang bahawa menguasai dan mendominasi Asia Barat dan Iran adalah perlu kerana negara itu mempunyai kepentingan di rantau tersebut. Kepentingan yang dimaksudkan ialah sumber minyak kerana sumber minyak di rantau ini sangat melimpah. Kajian yang dilakukan oleh Mansour (1981), Muhammad Riza (2007) dan Sophian Isswandy (2007) menunjukkan bahawa matlamat AS khususnya di rantau Asia Barat adalah untuk menguasai sumber-sumber minyak. Sophian Isswandy (2007: 40) menyebutkan sumber minyak yang terdapat di negara-negara Teluk Parsi meliputi 66% simpanan minyak dunia. Daripada jumlah simpanan ini, 75% daripadanya berada di negara-negara Arab Saudi, Iran, Iraq dan Kuwait. Rahul Mahajan (2005: 165) mengatakan “Sebenarnya, sudah bukan rahsia lagi bahawa dasar AS terhadap Timur Tengah (Asia Barat) berkait rapat dengan minyak”.

<sup>1</sup> Mengenai kerjasama Iran dengan negara-negara anti-AS dan penentangan mereka ke atas AS akan dijelaskan pada bagian Penentangan Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad ke atas hegemoni AS di Asia Barat.

Dalam pada itu, Iran merupakan negara di Asia Barat yang memiliki simpanan minyak terbesar kedua setelah Arab Saudi. Simpanan minyak yang dimiliki Iran ini setara dengan 10% simpanan minyak dunia ([http://www.eia.doe.gov/cabs/Region\\_me.html](http://www.eia.doe.gov/cabs/Region_me.html)). Mohamad Faisol Keling (2008) turut mengistilahkan hasrat AS untuk menguasai minyak Iran ini sebagai "...objektif tersirat untuk menguasai kekayaan 'emas hitam' Tehran dalam usaha memperkuuh penguasaannya ke atas sumber terpenting dunia pada ketika ini". Minyak bagi AS merupakan kepentingan yang utama kerana ia berguna untuk memenuhi keperluan sektor pengangkutan, industri, kediaman dan komersil, dan kuasa elektrik yang merupakan sektor utama penggerak ekonomi AS (Lihat Rajah 1).




Sumber: [http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5\\_3031.pdf](http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5_3031.pdf) (US Energy Information Administration).

**Rajah 1:** Penggunaan minyak per sektor di AS dari tahun 1949 hingga 2011<sup>2</sup>

Untuk memenuhi itu semua, AS perlu mencari sumber-sumber minyak baru di luar negara. Ini kerana bekalan minyak dalaman AS sangat terhad dan tidak dapat memenuhi keperluan bagi pengguna keempat-empat sektor tersebut di mana semenjak tahun 1949 hingga 2011 penggunaan minyak untuk keempat-empat sektor di atas menunjukkan peningkatan (Rajah 2). Oleh demikian, dapat diperkatakan bahawa AS sangat bergantung kepada sumber minyak.

<sup>2</sup> Data-data bagi rajah 1 dan rajah 2 terakhir kali diakses pada 30 Ogos 2013. EIA (US Energy Information Administration) memaklumkan bahawa atas sebab masalah dana, maka data bagi tahun 2012 yang sepatutnya diterbitkan pada tahun 2013 ditangguhkan. Sila rujuk <http://www.eia.gov/pressroom/releases/press386.cfm>.



Sumber: [http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5\\_4.pdf](http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5_4.pdf) (US Energy Information Administration).

**Rajah 2.** Tingkat penggunaan, pengeluaran dan import jaringan minyak AS dari tahun 1949 hingga 2011

Rajah 2 di atas menunjukkan tingkat penggunaan minyak di AS secara amnya dari tahun 1949-2011 mengalami peningkatan yang cukup drastik. Namun begitu, pada hujung tahun 2000-an penggunaan terhadap minyak mengalami sedikit penurunan. Fakta ini menunjukkan bahawa keperluan AS terhadap minyak adalah sangat tinggi. Sementara jumlah simpanan minyak dalaman AS cenderung merudum. Oleh itu, AS berusaha untuk mencari sumber-sumber minyak baru termasuklah di luar negara bagi memenuhi keperluan dalamannya sebagai negara pengguna minyak terbesar dunia.

Jadual di bawah menunjukkan bahawa AS adalah sebagai negara pengguna sekali gus pengimport minyak terbesar di dunia. Perkara ini menyebabkan ekonomi AS sangat bergantung kepada import minyak. Pergantungan ini semakin teruk apabila pengeluaran minyak AS sendiri cenderung menurun dari tahun ke tahun. Oleh itu, pemerintah AS berusaha untuk mengimport minyak dari seluruh negara termasuklah dari Asia Barat bagi menjalankan perputaran roda ekonomi negara tersebut.

Producers	Total oil production 2012	Consumers	Total oil consumption 2012	Exporters	Net oil exports 2012	Importers	Net oil imports 2012
Saudi Arabia	11,546	United States	18,555	Saudi Arabia	8,684	United States	7,431
United States	11,124	China	10,277	Russia	7,201	China	5,861
Russia	10,397	Japan	4,729	United Arab Emirates	2,590	Japan	4,593
China	4,416	India	3,622	Kuwait	2,410	India	
Canada	3,869	Russia	3,195	Nigeria	2,254	Germany	
Iran	3,538	Saudi Arabia	2,861	Iraq	2,235	Korea, South	2,207

Jadual 1: Peringkat negara-negara pengeluar, pengguna, pengeksport dan pengimport minyak dunia 2012 (Ribu tong sehari)

*Sumber: diubahsuai dari <http://www.eia.gov/countries/index.cfm> (US Energy Information Administration)*

Pemerintah AS memandang ini satu masalah buruk yang mesti diatasi kerana sektor pengangkutan, industri, kediaman dan komersil, dan kuasa elektrik merupakan sektor utama penggerak ekonomi AS. Justeru, apabila keperluan minyak untuk keempat-empat sektor tadi tidak dapat dipenuhi maka AS berpotensi mengalami krisis ekonomi dan seterusnya akan mempengaruhi dan menjelaskan keadaan politik dan sosial masyarakat negara itu. Oleh itu, AS berusaha untuk menguasai sumber minyak yang ada di rantau Asia Barat termasuk Iran.

### **Penentangan Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad ke atas hegemoni AS di Asia Barat**

Keohane (1984) menyatakan bahawa untuk merealisasikan sesbuah matlamat, kuasa hegemoni perlu memiliki tiga elemen penting, iaitu kekuatan ketenteraan, ekonomi dan politik yang tidak ada tolok bandingnya dengan negara-negara lain. Dalam kaunter-hegemoni, ketiga-tiga elemen tersebut pun turut digunakan. Oleh itu, untuk menentang hegemoni AS, Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad menggunakan strategi kaunter-hegemoni yang meliputi

ketiga-tiga elemen terbabit di mana semuanya dilihat menggunakan pendekatan *war of position*.

## 1. Ketenteraan

Untuk meningkatkan teknologi senjatanya, Iran menjalin kerjasama dengan negara-negara besar seperti China, Korea Utara dan Rusia. Manfaat kerjasama ini untuk melindungi Iran dari kemungkinan serangan mengejut AS. Walau bagaimanapun, kerjasama ini hakikatnya telah dimulai pada pertengahan tahun 1980-an. Pada masa itu Iran memiliki peluru berpandu Shahab I. Seterusnya Shahab II yang merupakan hasil kerjasama dengan Korea Utara dan dapat mencapai jarak tembak 500 km hingga 1,000 km serta mampu membawa peledak seberat 750 kg hingga 909 kg. Shahab III pula mempunyai keupayaan mencapai sasaran dalam lingkungan 1,500 km hingga 1,800 km dan mampu membawa peledak bermuatan 987 kg hingga 1,158 kg.

Sedangkan Shahab IV mempunyai keupayaan mencapai sasaran dalam jarak 1,000 km hingga 3,000 km dan mampu mencapai sasaran sehingga ke Jerman dan Barat China. Ia merupakan peluru berpandu yang menggunakan teknologi daripada Rusia dan China. Kejayaan ini menggalakkan Iran untuk mengembangkan peluru berpandu balistik antara benua yang dikenali sebagai Shahab V dan IV. Shahab V mampu mencapai sasaran sehingga 3,500 km-5,000 km. Manakala Shahab VI yang merupakan hasil kerjasama dengan Korea Utara dan Rusia memiliki keupayaan sehingga melebihi 5,000 km (Sophian Isswandy, 2007: 32-33). Iran juga telah berjaya melakukan percubaan mencipta peluru berpandu bawah laut yang tercepat di dunia, selain itu Iran juga memiliki pasukan berani mati yang jumlahnya mencecah 10 juta orang (El-Gogary, 2007).

Meskipun begitu, teknologi senjata Iran yang sedia ada sekarang belum setanding dengan senjata yang dimiliki AS. Namun kerjasama ketenteraan yang terjalin antara Iran dengan Rusia, China dan Korea Utara tetap membuat rasa khuatir AS semakin tinggi. Adalah tidak mustahil suatu saat nanti teknologi senjata Iran dapat menyaingi AS.

Namun perkara yang paling membimbangkan AS bukanlah soal senjata Iran, melainkan pengembangan teknologi nuklear negara itu. Idea program pembangunan nuklear Iran sebenarnya telah bermula semenjak tahun 1950an lagi. Idea ini dicetuskan oleh Shah Iran. Tujuannya adalah sebagai salah satu usaha cegah rintang bagi memperkuatkan keselamatan Iran di tengah-tengah pergolakan politik di Timur Tengah pada masa itu. Selain itu, program ini bertujuan untuk menyalurkan bekalan tenaga bagi keperluan domestik dan industri yang menjadi pemangkin kepada ekonomi Iran (Sophian Isswandy 2007: 29).

Pada dekad 1960an pula, AS turut serta dalam mewujudkan keinginan Iran untuk memiliki nuklear. Pada akhir tahun 60an, Shah Iran berjaya membina Pusat Penyelidikan Nuklear di Iran yang memiliki reaktor nuklear berkekuatan 5 megawatt untuk tujuan penyelidikan saintifik bagi pembinaan reaktor yang lebih besar dengan kapasiti produksi mencapai 20,000 megawatt (El-Gogary 2007: 128-129). Apa yang peliknya adalah justeru sekarang AS, Israel dan sekutunya yang lain menekan Iran untuk menghentikan program teknologi nuklearnya. Malah AS dan Israel berjaya memujuk 14 buah negara ahli Dewan

Keselamatan PBB untuk menjatuhkan sanksi ke atas Iran kerana dianggap menolak untuk menghentikan pengembangan teknologi nuklearnya (Ikhwanul Kiram Mashuri *et.al*, 2007).

## 2. Ekonomi

Dalam kerangka menentang hegemoni AS, Iran juga melakukan tentangan balas dari segi ekonomi dengan menggunakan dua strategi. Pertama, kerjasama ekonomi dengan negara-negara yang tidak sehaluan dengan AS. Kedua, menjadikan minyak sebagai alat kaunter-hegemoni. Pada April 1995, AS telah melakukan sekatan ekonomi ke atas Iran di mana presiden Bill Clinton pada waktu itu mengumumkan pelarangan terhadap semua perdagangan dan pelaburan yang dilakukan AS dengan Iran (Gerges, 2002: 160). AS juga berjaya memujuk 14 buah negara Dewan Keselamatan PBB agar sekatan ekonomi dan senjata dikenakan ke atas Iran (Ikhwanul Kiram Mashuri *et.al*, 2007). Maka lahirlah Resolusi PBB nombor 1747 pada 2007 dan Resolusi 1803 pada 2008 lepas (<http://www.un.org/News/Press/docs/2008/sc9268.doc.htm>). Namun begitu, sekatan ekonomi dan senjata oleh AS dan PBB ini tidak membuat Iran menyerah dan tunduk. Malah, Presiden Ahmadinejad mengatakan “*Even if they adopt 10 other resolutions it will not have any effect*” ([www.forbes.com/afxnewslimited/feeds/afx/2007/01/21/afx3346747.html](http://www.forbes.com/afxnewslimited/feeds/afx/2007/01/21/afx3346747.html)). Di samping itu, agar sekatan ini tidak terlalu berpengaruh ke atas stabiliti ekonomi Iran, maka Iran melakukan serangkaian jalinan kerjasama dengan negara-negara lain.

Rangkaian kerjasama yang dilakukan Iran pada umumnya dengan negara-negara yang tidak sehaluan dengan AS atau mengamalkan dasar anti AS. Kerjasama ini juga dilakukan dalam kerangka menentang hegemoni ekonomi AS di dunia pada amnya dan Asia Barat pada khasnya. Negara-negara tersebut adalah Syria, Venezuela, China dan Rusia. Rangkaian kerjasama yang dibina terdiri daripada beberapa sektor seperti perdagangan, industri, dan pelancongan yang dilakukan bersama Syria. Sektor pertanian, minyak, perumahan, stesen geologi, gas, petrokimia, pemansuhan cukai ganda dan teknologi dilakukan bersama Venezuela. Adapun kerjasama yang dilakukan Iran dengan Rusia-China adalah di sektor industri, minyak, gas, petrokimia, pembinaan dan persenjataan (El-Gogary, 2007). Meskipun kerjasama ekonomi yang dilakukan Iran dengan negara-negara ini tidak menjelaskan ekonomi dalam AS, namun ia tetap membuat AS berasa geram kerana matlamat sekatan ekonomi ke atas Iran ialah agar ekonomi negara itu hancur dan akhirnya tunduk kepada AS.

Strategi Iran seterusnya ialah kemungkinan menjadikan minyak sebagai alat kaunter-hegemoni. Iran akan menjadikan minyak sebagai senjata bagi menghalang niat AS untuk menyerang negara itu. Menteri Perminyakan Iran, Kazem Vaziri Hamaneh, pada 26 Jun 2006 mengatakan “*If the country's interests are attacked, we will use all our capabilities, and oil is one of them*” ([http://articles.timesofindia.indiatimes.com/2006-06-26/rest-of-world/27828298\\_1\\_enrichment-tehran-oil-card](http://articles.timesofindia.indiatimes.com/2006-06-26/rest-of-world/27828298_1_enrichment-tehran-oil-card)). Kenaikan harga minyak pernah berlaku ketika terjadinya perang Iraq Iran pada tahun 1980. Pada ketika itu harga minyak naik 50 peratus dari AS\$35 setong tahun 1978 kepada AS\$78 setong tahun 1981 (Cohen *et.al*, 2006: 4). Jika Iran betul-betul akan melakukan strategi ini, maka dapat dipastikan ia akan menggoncang

harga minyak dunia di mana impaknya tidak hanya akan melemahkan ekonomi AS sahaja, malah turut dirasai negara-negara lain.

Strategi lainnya ialah mengalihkan mata wang dari dolar kepada euro bagi mengeksport minyak Iran ke luar negara. Ini dilakukan untuk mengurangi kebergantungan Iran terhadap mata wang AS itu. Presiden Iran Mahmoud Ahmadinejad dan presiden Venezuela bersepakat untuk “menyingkirkan” dolar daripada fungsi utamanya sebagai alat pembayaran pembelian minyak (Ikhwanul Kiram Mashuri *et.al*, 2007). Namun begitu, strategi yang terakhir ini belum membawa impak yang besar terhadap perubahan ekonomi AS. Ini kerana hanya Iran dan Venezuela sahaja yang menggunakan euro sebagai alat transaksi perdagangan minyaknya dengan negara lain. Sementara negara-negara pengeksport minyak yang lain masih menggunakan dolar.

### 3. Politik

Dari segi politik, Iran menggunakan empat strategi kaunter-hegemoni. Pertama, propaganda balas melalui media massa. Media dapat dijadikan sebagai alat untuk mempengaruhi pendapat awam tentang sesuatu perkara. Oleh itu, AS memanfaatkan media sebagai salah sebuah alat hegemoni bagi mempengaruhi pendapat masyarakat dunia mengenai nuklear Iran dan sikap politik Iran di arena politik antarabangsa. Sepertimana AS, Iran juga turut menggunakan strategi yang sama sebagai alat untuk melakukan tentangan balas ke atas kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Bush dan elit AS seperti Condoleeza Rice. Di bawah ini terdapat beberapa contoh kenyataan Bush dan Condoleeza Rice di media tentang nuklear Iran, serta kenyataan balas oleh Ahmadinejad.

Pada 20 Mac 2006, Bush memberikan kenyataan yang cukup provokatif dengan menyebut Iran akan menghancurkan Israel, sekutu rapat AS<sup>3</sup>. Seterusnya pada 14 Februari 2007, Bush memberikan pesan kepada rakyat Iran bahawa pemimpin mereka yang menyebabkan Iran terasing dari pergaulan dunia antarabangsa<sup>4</sup>. AS juga mengancam akan menyerang Iran sekiranya negara itu tidak menghentikan program pengembangan nuklearnya (El-Gogary, 2007; D. Danny, 2007). Manakala Rice dalam laman web rasmi kementeriannya pada 9 Mac 2006 menyatakan bahawa tidak ada cabaran yang lebih besar berbanding dengan cabaran yang diberikan oleh Iran<sup>5</sup>.

<sup>3</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “The threat from Iran is, of course, their stated objective to destroy our strong ally Israel. That’s a threat, a serious threat. It’s a threat to world peace” (<http://www.breitbart.com/news/2006/03/20/060320195105.4089dcq.html>).

<sup>4</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “The message to the Iranian people is that your leaders are making decisions that are isolating you in the world, thereby denying you a brighter future” (Alexander and Milton, 2008: 208).

<sup>5</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “We may face no greater challenge from a single country than from Iran, whose policies are directed at developing a Middle East that would be 180 degrees different from the Middle East that we would like to see develop. This is a country that is determined, it seems, to develop a nuclear weapon in defiance of the international community” (<http://www.state.gov/secretary/rm/2006/62900.htm>).

Ahmadinejad pun membalas kenyataan Bush dan Rice dalam *MEMRI* (The Middle East Media Research Institute) pada 14 Oktober 2006 dengan mengatakan bahawa AS dan sekutunya telah melakukan dua perkara bodoh. Pertama, mereka menyerang Lubnan. Kedua, mereka membawa isu nuklear Iran ke Majlis Keselamatan PBB. Walau apa pun, Iran tidak akan berundur sekalipun satu milimeter. Beliau kemudian mengkritik keras Presiden Bush dengan mengatakan bahawa Bush mendapatkan inspirasi daripada syaitan<sup>6</sup>. Pada bulan September 2008 dalam Perhimpunan Agung PBB, Ahmadinejad mengkritik polisi AS yang selalu mengutamakan pendekatan ketenteraan dalam mengambil jalan keluar setiap masalah sepetimana yang berlaku ke atas Iraq dan Afghanistan<sup>7</sup>.

Oleh kerana Iran tetap kukuh pada pendirian untuk tidak menghentikan program pengembangan teknologi nuklearnya, AS pun memujuk 14 buah negara ahli Dewan Keselamatan PBB untuk mengeluarkan Resolusi PBB nombor 1747. Isi resolusi tersebut ialah melarang Iran mengimport senjata dan mengehadkan bantuan kewangan ke atas negara itu (Ikhwanul Kiram Mashuri *et.al*, 2007; <http://www.un.org/News/Press/docs/2008/sc9268.doc.htm>). Melihat pertikaman lidah yang berlaku antara kedua-dua pemimpin Iran dan AS ini dan juga resolusi yang dikenakan PBB ke atas Iran, masyarakat dunia turut memberikan reaksi mereka. Ada yang menyokong tindakan Iran, namun tidak sedikit juga yang menyokong AS dan PBB. Beberapa buah negara yang menyokong Iran antaranya Pakistan, Syria dan Rusia. Adapun negara-negara yang menyokong tindakan AS dan PBB antaranya Jordan, Israel dan Jerman (Alexander and Milton, 2008).

Strategi politik yang kedua adalah diplomasi. Ahmadinejad menghendaki diplomasi yang berlaku antara Iran dengan AS sebagai sebuah diplomasi yang tidak saling merugikan kedua-dua belah pihak. Beliau tidak menginginkan berlaku perang antara AS Iran terkait dengan program teknologi nuklear yang sedang dikembangkan Iran. Oleh itu, Iran tetap membuka pintu dialog dengan AS bagi menyelesaikan isu nuklear ini. Sepertimana yang dipetik daripada *The New York Sun*, 11 Mei 2006, Ahmadinejad mengatakan bahawa tiada had dalam hal dialog bagi membincangkan politik mahupun nuklear Iran<sup>8</sup>. Namun dialog

---

<sup>6</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “They (Westerners) did two ugly things. First, they attacked Lebanon.... Second, they took the (nuclear) issue to the (U.N) security council...We, for our part, did not retreat one milimeter...I say that now, by the grace of God, we have gone most of the way, be confident that they will not dare to attack us”. “...the President of America is like us. That is, he too is inspired...but (his) inspiration is of the satanic kind. Satan gives inspiration to the President of America...” (Alexander and Milton, 2008: 196-197).

<sup>7</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “They simply think that all problems can be fixed with military might and bombs and guns” (<http://www.nytimes.com/2008/09/26/world/middleeast/26iran.html?scp=40&sq=us+will+attack+iran&st=nyt>).

<sup>8</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “there are no limits to our dialogue” (<http://www.nysun.com/foreign/iran-israel-a-tyrannical-regime-that-will-one-day/32601/>).

tersebut mesti dalam suasana adil di mana jika AS menginginkan teknologi nuklear Iran dihentikan, maka AS pun harus melakukan hal yang sama barulah dialog boleh dilakukan<sup>9</sup>.

Walau apa pun, Ahmadinejad tidak menginginkan dialog dengan AS sekiranya negara *superpower* itu menggunakan bahasa ancaman<sup>10</sup>. Walau bagaimanapun, diplomasi antara AS selama berada di bawah pentadbiran Bush dengan Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad tidak pernah terjadi kerana kedua-dua belah pihak saling mempertahankan prinsip masing-masing, sehingga pintu dialog ini tidak pernah terbuka. Di sisi yang lain, Iran menjalin hubungan diplomatik yang lebih rapat dengan negara-negara lain yang pada umumnya mengamalkan dasar anti AS seperti Venezuela, Cuba, Rusia, China, Syria dan Kuwait. Hubungan diplomatik ini seterusnya dikembangkan kepada hubungan ekonomi dan ketenteraan (El-Gogary, 2007).

Strategi ketiga pula adalah memberikan penjelasan di PBB tentang tujuan program nuklear Iran yang sebenar. Tindakan ini dilakukan Ahmadinejad untuk membantah segala dakwaan AS dan Israel yang menyatakan bahawa tujuan program nuklear Iran adalah untuk pembuatan senjata yang dapat mengancam dan membahayakan keselamatan dunia. Ahmadinejad menegaskan bahawa teknologi nuklear yang sedang dikembangkan Iran sekarang adalah untuk tujuan damai dan kemakmuran rakyat Iran (El-Gogary, 2007; D. Danny, 2007). Dalam pidatonya di PBB pada 25 September 2007 dan 23 September 2008, Ahmadinejad menjelaskan kepada dunia bahawa tujuan program teknologi nuklear yang sedang dikembangkan Iran adalah untuk tujuan damai dan kesejahteraan rakyat Iran (<http://hariansib.com/2008/09/ahmadinejad-kembali-hadiri-sidang-umum-pbb/>; <http://www.korantempo.com/korantempo/koran/2008/09/25/Internasional/krn.20080925.143409.id.html>). Meskipun AS dan Israel tidak mempercayai tujuan sebenar teknologi nuklear Iran tersebut, sekurang-kurangnya Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad telah mencuba untuk meluruskan pandangan dan persepsi masyarakat dunia di majlis rasmi antarabangsa yang menurut Iran telah dipesongkan oleh AS dan sekutunya.

Manakala strategi yang terakhir adalah kerjasama politik dengan negara-negara dan organisasi Islam yang mengamalkan dasar anti AS. Matlamat kerjasama politik ini untuk mendapatkan sokongan padu dari negara lain dan organisasi antarabangsa dan membentuk satu blok bagi menentang hegemoni AS di dunia pada amnya dan Asia Barat khasnya. Kerjasama yang dilakukan ini adalah dengan negara-negara Arab (juga organisasi Islam) dan bukan Arab. Negara-negara tersebut seperti Kuwait, Syria, Cuba, Venezuela, China, dan Rusia. Manakala dari organisasi Islam adalah Hamas dan Hizbullah. Kerjasama ini dilakukan dalam pelbagai bidang, seperti kesepakatan dengan Kuwait untuk memerangi pengganas, organisasi jenayah dan dadah di kawasan Asia Barat. Kerjasama dengan Kuwait ini

<sup>9</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “*that... we shut down our nuclear fuel cycle program to let talks begin. It's no problem. But justice demands that those who want to hold talks with us shut down their nuclear fuel cycle program too. Then, we can hold dialogue under a fair atmosphere*” (Alexander and Milton, 2008: 198).

<sup>10</sup> Kenyataan asal dalam Bahasa Inggeris, “*Today, the Iranian people are the owner of nuclear technology. Those who want to talk with our people should know what people they are talking to. If some believe they can keep talking to the Iranian people in the language of threats and aggressiveness, they should know that they are making a bitter mistake*” (<http://www.memri.org/bin/articles.cgi?Page=archives&Area=sd&ID=SP122906>).

memberikan keuntungan politik kepada Iran di mana Kuwait mengiktiraf hak Iran untuk memiliki teknologi nuklear. Yang dipertua Parlimen Kuwait, Jasem Al-Khurafi menyatakan "Selain menyokong hak Republik Islam Iran dalam mengembangkan teknologi nuklear, kami juga menegaskan bahawa Kuwait dan negara-negara jiran yang lain yang bergabung dalam Dewan Kerjasama Teluk Persia sama sekali tidak khuatir dengan aktiviti nuklear Iran" ([http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip\\_berita/juni07/090607.htm](http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip_berita/juni07/090607.htm)). Selain itu, kerjasama juga dilakukan dengan Hamas dan Hizbullah dalam bentuk bantuan senjata untuk menentang Zionis Israel (El-Gogary, 2007).

Adapun kerjasama dengan Venezuela dan Cuba lebih ditumpukan kepada bidang ekonomi, pertahanan, minyak, gas, petrokimia dan pertanian. Kerjasama dengan China pula dilakukan dalam bidang perminyakan dan persenjataan. China sebagai negara pengguna minyak terbesar kedua dunia sangat memerlukan bekalan minyak dari Iran. Untuk itu Iran mengeksport minyaknya ke negara tersebut. China merupakan destinasi eksport minyak Iran terbesar kedua selepas Jepun. Sedangkan China mengeksport teknologi senjatanya ke Iran (El-Gogary, 2007).

Manakala kerjasama yang dilakukan Iran dengan Rusia pula adalah kerjasama dalam bidang teknologi senjata dan tenaga elektrik. Total nilai kerjasama Iran Rusia di bidang teknologi senjata pada 2005 mencapai AS\$1 bilion dolar. Pada 2009, Iran membeli lima buah peluru berpandu penahan serangan S-300 yang mana total nilai kontraknya mencapai AS\$800 juta. Sedangkan nilai kontrak pembinaan elektrik tenaga nuklear Iran yang dilakukan Rusia mencapai AS\$25 bilion dolar ([http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip\\_berita/juni07/090607.htm](http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip_berita/juni07/090607.htm); [http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634\\_0\\_18\\_0\\_M](http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634_0_18_0_M); <http://international.okezone.com/index.php/ReadStory/2009/02/18/18/193804/antisipasi-serangan-israel-iran-ingin-beli-rudal-rusia>).

Hubungan Rusia Iran adalah hubungan yang saling bergantungan. Rusia sangat memerlukan Iran sebagai rakan strategik untuk mengimbangi usaha dominasi AS di kawasan Eurasia (Eropah Asia). Ini kerana kawasan ini menjadi salah satu sasaran hegemoni AS ([http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634\\_0\\_18\\_0\\_M](http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634_0_18_0_M)). Pada masa yang sama, Iran juga memerlukan sokongan Rusia untuk menentang hegemoni AS di rantau Asia Barat. Oleh yang demikian, Hamas, Hizbullah, Syria, Venezuela, Rusia dan negara-negara lain yang menjalin kerjasama dengan Iran diyakini akan menyokong secara moral dan politik projek pengembangan teknologi nuklear Iran.

Hubungan kerjasama antara Iran dengan negara-negara di atas tentu membimbangkan AS. Oleh itu, kerajaan AS tidak pernah berhenti untuk mengukuhkan kerjasama dengan sekutunya seperti Great Britain dan Israel sekali gus mempengaruhi dunia antarabangsa dalam menentang usaha-usaha yang dilakukan Iran. Berkaitan dengan usaha AS untuk memperkuatkan barisan dengan sekutunya ini, Bush mengatakan "kita semua harus saling komited untuk menghadapi bahaya ini sebelum terlambat" (Avian E, 2008).

## Kesimpulan

Kajian ini membuat kesimpulan bahawa hasrat AS untuk menguasai Asia Barat dan Iran berlatarbelakangkan oleh keperluannya terhadap minyak. Menguasai Asia Barat bererti menguasai 66 % sumber minyak dunia. Untuk menguasai Asia Barat dan Iran, AS harus mengukuhkan hegemoninya melalui tiga aspek, iaitu politik, ekonomi dan ketenteraan. Iran sebagai negara pengeluar minyak terbesar kedua di Asia Barat sudah pasti tidak ingin menjadi mangsa kepada hegemoni AS. Oleh itu, Iran selama di bawah kepimpinan Ahmadinejad melakukan pelbagai strategi untuk mengkaunter hegemoni AS.

Strategi kaunter-hegemoni yang digunakan Iran dapat dianalisis berdasarkan salah satu daripada dua pendekatan ini, iaitu *war of position* atau *war of movement*. Namun berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pendekatan *war of position* dapat menjelaskan strategi kaunter-hegemoni yang dilakukan Iran sepanjang penggal pertama kepimpinan Ahmadinejad bagi menentang hegemoni AS, iaitu perlawanan tanpa kekerasan dan paksaan. Dengan menggunakan teori ini juga, dapat dilihat bahawa Iran telah melakukan kaunter-hegemoni dari tiga aspek iaitu politik, ekonomi dan ketenteraan, seperti menjalin kerjasama antarabangsa dengan negara-negara lain yang bersikap anti AS untuk membentuk blok kaunter-hegemoni global bagi menentang hegemoni AS.

Dengan menggunakan pendekatan *war of position*, sekurang-kurangnya Iran di bawah pimpinan Ahmadinejad telah berjaya menggagalkan niat AS untuk menyerang Iran ketika AS berada di bawah pentadbiran Bush. Melalui pendekatan ini pula dapat dilihat bahawa Iran berpotensi menjadi pengimbang kuasa hegemoni AS di rantau Asia Barat.

## Rujukan

- Alexander, Yonah and Milton Hoenig. (2008). *The New Iranian Leadership: Ahmadinejad, Terrorism, Nuclear Ambition, and the Middle East*. London: Praeger Security International.
- Chin, Christine B.N. and James H Mittelman. (2006). Conceptualizing Resistance to Globalization. In Richard Little & Michael Smith. *Perspective on World Politics* (pp. 311-320). USA: Routledge.
- Cohen, Ariel., James Phillips, & William L.T Schirano. (2006). Countering Iran's Oil Weapon. *Backgrounder*, 1982: 1-6.
- Cox, Robert W. (1993). Gramsci, hegemony and International Relations: an Essay in Method. In Stephen Gill (Ed.), *Gramsci, Historical Materialism and International relations* (pp. 49-66). New York: Cambridge University Press.
- D. Danny H. Simanjuntak. (2007). *Ahmadinejad Menentang Amerika: Dari Nuklir Iran, Zionisme Hingga Penyangkalan Holocaust*. Yogyakarta: Narasi.

El-Gogary, Adel. (2007). *Ahmadinejad the Nuclear Savior of Tehran: Sang Nuklir Membidas Hegemoni AS dan Zionis*. Terj. Tim Kuwais. Depok: Pustaka IIMaN.

Femia, Joseph V. (1981). *Gramsci's Political Thought: Hegemony, Consciousness, and the Revolutionary Process*. London: Oxford University Press.

Fukuyama, Francis. (1992). *The End of History and the Last Man*. New York: Free Press.

Gerges, F. (2002). *Amerika dan Islam Politik: Benturan Peradaban atau Benturan Kepentingan?*. Terj. Jakarta: AlvaBet.

Gramsci, Antonio. (1971). *Selections from the Prison Notebooks of Antonio Gramsci* (edited and translated by Quintin Hoare and Geoffrey Nowell Smith). London: Lawrence and Wishart.

Ikhwanul Kiram Mashuri; Anif Punto Utomo; Irfan Junaidi; Luthfi Hamidi. (2007). *Kesederhanaan dan Keberanian Ahmadinejad*. Depok: PT. Visi Gagasan Komunika.

Kamus Dewan. (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Katz, Hagai. (2006). Gramsci, Hegemony, and Global Civil Society Networks. *Voluntas*, 17: 333–348.

Keohane, R. (1984). After Hegemony: *Cooperation and Discord in the World Political Economy*. Princeton University Press: New Jersey.

Mansour, F. (1981). *U.S. Imperialism: from the Spanish-American War to the Iranian Revolution*. Boston: South and Press.

Muhammad Riza Sihbudi. (2007). *Menyandera Timur Tengah*. Jakarta: Hikmah.

Persaud, R.B. (2001). *Counter-hegemony and foreign policy: The dialectics of marginalized and global forces in Jamaica*. New York: State University of New York Press.

Rahul Mahajan. (2005). *Melawan Negara Teroris: Dominasi AS terhadap Irak dan Kedaulatan Dunia*. Jakarta: Mizan.

Ransome, P. (1992). *Antonio Gramsci: A New Introduction*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.

Sophian Isswandy. (2007). *Amerika Syarikat dan Kepentingan Nasionalnya di Rantau Timur Tengah*. Unpublished Master's Thesis. Bangi: UKM.

- Avian E. Tumengkol. (2008). Upaya Baru Iran Meredam AS. (Online) Retrieved 15 November 2008, from [http://www.waspada.co.id/index.php?option=com\\_content&task=view&id=17662&Itemid=81](http://www.waspada.co.id/index.php?option=com_content&task=view&id=17662&Itemid=81)
- Kessler, Glenn and Peter Baker. (2006). Bush's 'axis of evil' comes back to haunt United States. (Online) Retrieved 19 October 2008, from <http://www.washingtonpost.com/wp-dyn/content/article/2006/10/09/AR2006100901130.html>
- Mohamad Faisol Keling. (2008). Agenda AS, Israel Tekan Iran. (Online) Retrieved 3 November 2008, from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0621&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0621&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm)
- Retrieved 28 September 2008, from [www.forbes.com/afxnewslimited/feeds/afx/2007/01/21/afx3346747.html](http://www.forbes.com/afxnewslimited/feeds/afx/2007/01/21/afx3346747.html)
- Retrieved 19 October 2008, from <http://www.state.gov/secretary/rm/2006/62900.htm>
- Retrieved 20 October 2008, from <http://www.breitbart.com/news/2006/03/20/060320195105.4089dcoq.html>
- Retrieved 20 October 2008, from <http://www.memri.org/bin/articles.cgi?Page=archives&Area=sd&ID=SP122906>
- Retrieved 27 February 2009, from [http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip\\_berita/juni07/090607.htm](http://www2.irib.ir/worldservice/melayuRADIO/arsip_berita/juni07/090607.htm)
- Retrieved 27 February 2009, from <http://international.okezone.com/index.php/ReadStory/2009/02/18/18/193804/antisipasi-serangan-israel-iran-ingin-beli-rudal-rusia>
- Retrieved 27 February 2009, from [http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634\\_0\\_18\\_0\\_M](http://swaramuslim.net/galery/more.php?id=5634_0_18_0_M)
- Retrieved 27 February 2009, from [http://www.eia.doe.gov/cabs/Region\\_me.html](http://www.eia.doe.gov/cabs/Region_me.html)
- Retrieved 28 February 2009, from <http://hariansib.com/2008/09/ahmadinejad-kembali-hadir-sidang-umum-pbb/>
- Retrieved 28 February 2009, from <http://www.korantempo.com/korantempo/koran/2008/09/25/Internasional/krn.20080925.143409.id.html>
- Retrieved 28 February 2009, from <http://www.nytimes.com/2008/09/26/world/middleeast/26iran.html?scp=40&sq=us+will+attack+iran&st=nyt>
- Retrieved 28 August 2013, from [http://articles.timesofindia.indiatimes.com/2006-06-26/rest-of-world/27828298\\_1\\_enrichment-tehran-oil-card](http://articles.timesofindia.indiatimes.com/2006-06-26/rest-of-world/27828298_1_enrichment-tehran-oil-card)

*Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009)  
Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat  
Iran's Counter-Hegemony Under the Leadership of Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009)  
Towards US Hegemony in West Asian Region*  
*ricky84rahman@yahoo.com; zo@ukm.my; y.kamaruzaman@utm.my; ruhanas@upnm.edu.my*

Retrieved 28 August 2013, from <http://www.nysun.com/foreign/iran-israel-a-tyrannical-regime-that-will-one-day/32601/>

Retrieved 28 August 2013, from <http://www.un.org/News/Press/docs/2008/sc9268.doc.htm>

Retrieved 30 August 2013, from <http://www.eia.gov/pressroom/releases/press386.cfm>

Retrieved 30 August 2013, from <http://www.eia.gov/countries/index.cfm>

Retrieved 30 August 2013, from [http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec\\_5\\_3031.pdf](http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec_5_3031.pdf)

Retrieved 30 August 2013, from [http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5\\_4.pdf](http://www.eia.gov/totalenergy/data/annual/pdf/sec5_4.pdf)

## About authors

Riki Rahman is a PhD student at the Institute of Malaysian and International Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted through email at [ricky84rahman@yahoo.com](mailto:ricky84rahman@yahoo.com)

Zarina @ Zairina Othman (PhD) is an Associate Professor and currently Head of Strategic Studies and International Relations Programme at the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted through e-mail [zo@ukm.my](mailto:zo@ukm.my)

Kamaruzaman Yusoff (PhD) is a Professor at the Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia. He can be contacted through e-mail [y.kamaruzaman@utm.my](mailto:y.kamaruzaman@utm.my)

Ruhanas Harun is a Professor and currently Director of Centre for Defence and International Security Studies, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. She can be contacted through e-mail [ruhanas@upnm.edu.my](mailto:ruhanas@upnm.edu.my)